



21 Jun 2013
21 June 2013
P.U. (A) 181

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PUSAT KERJASAMA SERANTAU PEMBANGUNAN SEGI TIGA INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2013

CENTRE FOR INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND GROWTH TRIANGLE SUBREGIONAL COOPERATION (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN PUSAT KERJASAMA SERANTAU PEMBANGUNAN SEGI TIGA
INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1) dan seksyen 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [*Akta 485*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pusat Kerjasama Serantau Pembangunan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (Keistimewaan dan Kekebalan) 2013**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kakitangan” ertinya semua kakitangan asing dan kakitangan tempatan Pusat yang diambil bekerja atau dipinjamkan di bawah peraturan-peraturan Pusat seperti yang ditetapkan dalam Jadual dan yang namanya akan disampaikan dari semasa ke semasa kepada pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia;

“Pengarah” ertinya Pengarah Pusat;

“Pusat” ertinya Pusat Kerjasama Serantau Pembangunan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand.

Pengisytiharan Pusat menjadi organisasi antarabangsa

3. Pusat Kerjasama Serantau Pembangunan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand diisytiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa yang baginya seksyen 4 Akta terpakai.

Keperibadian juridikal

4. Pusat hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan hendaklah mempunyai keupayaan—

- (a) untuk membuat kontrak;
- (b) untuk memperoleh, memegang dan melupuskan harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) untuk memulakan prosiding undang-undang.

Keistimewaan dan kekebalan Pusat

5. Pusat hendaklah mempunyai keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1, 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 Jadual Pertama kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan Pengarah

6. Pengarah—

- (a) yang bukan merupakan seorang warganegara Malaysia, hendaklah mempunyai keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua kepada Akta;
- (b) yang merupakan seorang warganegara Malaysia, hanya berhak kepada kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang lain yang berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan dalam tugas rasminya.

Keistimewaan dan kekebalan Kakitangan

7. Seorang Kakitangan—

- (a) yang bukan merupakan seorang warganegara Malaysia, hendaklah mempunyai keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat kepada Akta;

- (b) yang merupakan seorang warganegara Malaysia, hanya berhak kepada kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang lain yang berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan dalam tugas rasminya.

Penepian

8. (1) Pembangunan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada Pusat.

(2) Pengarah hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada Kakitangan jika, pada pendapatnya, keistimewaan dan kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan kepentingan Pusat.

(3) Kerajaan Malaysia hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada Pengarah jika, pada pendapatnya, keistimewaan dan kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan kepentingan Pusat.